



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

KENYATAAN MEDIA BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI OGOS 2025

JUMLAH PERDAGANGAN BAGI EMPAT NEGERI MEREKODKAN PENINGKATAN BERNILAI RM131.6 BILION PADA BULAN OGOS 2025

PUTRAJAYA, 26 SEPTEMBER 2025 – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM247.1 bilion pada Ogos 2025 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM131.6 bilion dan RM115.5 bilion, seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI OGOS 2025**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa eksport Malaysia pada Ogos 2025 mencapai RM131.6 bilion, mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak RM2.5 bilion (+1.9%). Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di Pulau Pinang (+RM5.9 bilion), Johor (+RM1.0 bilion), Sabah (+RM355.3 juta), W.P. Labuan (+RM80.7 juta), Melaka (+RM48.4 juta), Kelantan (+RM37.7 juta) dan Perlis (+RM5.9 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport menurun di Kedah sebanyak RM1.4 bilion, Sarawak (-RM1.1 bilion), Pahang (-RM553.8 juta), Terengganu (-RM411.9 juta), Perak (-RM405.5 juta), Negeri Sembilan (-RM339.5 juta), Selangor (-RM263.0 juta) dan W.P. Kuala Lumpur (-RM197.4 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 36.8 peratus, diikuti oleh Johor (20.8%), Selangor (17.3%), Sarawak (6.2%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.3%).

Mengulas lanjut mengenai prestasi import, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata import pada bulan Ogos 2025 menurun RM7.3 bilion (-5.9%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2024. Penurunan import disebabkan oleh import yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Kedah (-RM4.9 bilion), Melaka (-RM1.3 bilion), Pahang (-RM1.0 bilion), Johor (-RM949.8 juta), Sabah (-RM862.5 juta), W.P. Kuala Lumpur (-RM859.2 juta), Negeri Sembilan (-RM418.0 juta), Sarawak (-RM380.8 juta), Terengganu (-RM348.0 juta), Perlis (-RM78.8 juta), W.P. Labuan (-RM50.6 juta) dan Kelantan (-RM6.1 juta). Walau bagaimanapun, nilai import meningkat di Pulau Pinang sebanyak RM3.2 bilion, Perak (+RM125.5 juta) dan Selangor (+RM0.1 juta).

Selangor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 27.2 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (25.1%), Johor (22.1%), W.P. Kuala Lumpur (7.6%) dan Kedah (4.7%).


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


**Carta 1: Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor,
Ogos 2024 – Ogos 2025 (RM Bilion)**



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Ogos 2025



STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI, OGOS 2025



5 NEGERI PENGEXPORT UTAMA

Lima negeri menguasai eksport negara dengan menyumbang **85.4** peratus



▲ ▼ Semua perubahan berdasarkan perbandingan tahun-ke-tahun

Petunjuk: ■ Eksport ■ Import

Nota:

- Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau pengiklanan yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

Sumber: Statistik Eksport Import Mengikut Negeri Ogos 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
26 SEPTEMBER 2025**